

XXXXXX

Lawan

XXXXXX

Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Melaka
(YAA Datuk Mahammad bin Ibrahim
Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka)
[17 Jamadil Awal 1430 H bersamaan 12 Mei 2009 M]

Kes Mal Bil. 04100-017-0008-Tahun 2003

Undang-Undang Pentadbiran:

Bidang Kuasa Mahkamah membicara dan memutuskan kes Harta Sepencarian Seksyen 3 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002

Undang-Undang Keluarga Islam:

Bidang Kuasa mendengar dan memutuskan Harta Sepencarian – Seksyen 122

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002

Taksiran Harta Sepencarian

FAKTA KES

1. Plaintiff dan Defendan telah mendirikan rumah tangga pada 7.4.1969 dan kehidupan mereka berakhir dengan penceraian pada 7.3.2003. Sepanjang perkahwinan mereka telah dikurniakan 12 orang cahaya mata. Semasa berkahwin dengan Defendan, Plaintiff bekerja sebagai Guru Tadika dan mengajar di Sekolah Tabika Kemas, Negeri Melaka.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Plaintif dan Defendan adalah Peneroka di FELDA Bukit Senggeh Melaka. Mereka telah memasuki FELDA tersebut pada 4.3.1974. Setelah mereka bercerai, Plaintif telah memohon kepada Mahkamah untuk mengisytiharkan bahawa tanah-tanah FELDA dan sebuah rumah di tanah tersebut sebagai harta sepencarian.

2. Hartanah yang dituntut adalah seperti berikut:-

- a) Sebidang Hartanah di bawah suratan Hak milik No. PM 1294, Lot No. 3082, Mukim Nyalas, Daerah Jasin Melaka seluas 4,217 hektar atau 10.4 ekar.
- b) Sebidang Hartanah di bawah suratan Hak milik No. PM 1607 Lot No 3989 Mukim Nyalas, Daerah Jasin Melaka seluas 1123 meter persegi atau 12,087 kaki persegi bersama sebuah rumah yang di bina semula oleh Plaintif sebanyak RM50,000.00 dari rumah asal FELDA.
- c) Di samping menuntut hartanah sebagai harta sepencarian Plaintif juga menuntut:-
 - i) $\frac{1}{2}$ bahagian ke atas harta-harta sepencarian ini atau hasil penilaian harta-harta sepencarian kedua-dua bidang hartanah ini, sekiranya di dalam suatu keadaan hartanah ini dijual bagi mengefekkan pembahagian harta-harta sepencarian ini.

- ii) ½ bahagian dari hasil pajakan hartanah PM 1294 Lot No. 3082 sebanyak RM5,400.00.
 - iii) ½ bayaran sara diri yang dibayar oleh FELDA kepada Defendan sebanyak RM750.00 sebulan bermula bulan Mei 2004 hingga bulan Mei 2007 dan Mahkamah mengarahkan pihak Pengurusan FELDA Bukit Senggeh, Melaka membuat bayaran ini secara potongan dari bayaran hasil kepada Defendan sehingga selesai.
 - iv) ½ bayaran hasil yang di bayar oleh FELDA kepada Defendan bermula dari bulan Jun 2007 sehingga Perintah mengenai tuntutan harta sepencarian ini dikeluarkan oleh Mahkamah dan Mahkamah ini mengarahkan pihak Pengurusan FELDA Bukit Senggeh Melaka membuat bayaran hasil kepada Defendan sehingga selesai.
- d) Plaintif seterusnya memohon perintah:-
- i) Bahawa Mahkamah yang mulia ini mengarahkan pihak Pengurusan FELDA Bukit Senggeh Melaka, Pejabat Pendaftaran Tanah dan Daerah Jasin Melaka atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan bagi maksud mengefekkan Perintah permohonan ini mendaftarkan

Perintah ini dan untuk memorial dan/atau kemasukan ke dalam pendaftaran seperti yang patut dibuat untuk memberi hak kepada Perintah ini.

ii) Perintah dan relief-relief yang difikirkan baik, sesuai dan wajar oleh Mahkamah yang mulia ini.

e) Defendan dalam tuntutan balasnya menuntut sebuah rumah dan tanah di No. JA 26/27, Rumah Awam Pondok Batang, Asahan, Jasin< Melaka sebagai harta sepencarian juga kerana ia dibeli di dalam masa perkahwinan Plaintiff dan Defendan. Defendan menuntut 2/3 bahagian daripada nilai rumah terputus.

Di Putuskan:

1. Mahkamah **perintahkan** dan isytiharkan bahawa harta-harta yang dituntut iaitu:-

a) Sebidang Hartanah di bawah suratan Hak milik No. PM 1294, Lot No. 3082, Mukim Nyalas, Daerah Jasin Melaka seluas 4,217 hektar atau 10.4 ekar.

b) Sebidang Hartanah di bawah suratan Hak milik No. PM 1607 Lot No 3989 Mukim Nyalas, Daerah Jasin Melaka seluas 1123 meter persegi atau 12,087 kaki persegi bersama sebuah rumah yang

di bina semula oleh Plaintiff sebanyak RM50,000.00 dari rumah asal FELDA

Adalah diisytiharkan sebagai harta-harta sepencarian di antara Plaintiff dan Defendan.

2. Mahkamah **perintahkan** sebidang tanah di No. PM 1294, Lot No. 3082 Mukim Nyalas Daerah Jasin Melaka dibahagikan dua. $\frac{1}{2}$ bahagian atau 5.2 ekar di serahkan dan diletak Hak milik di atas nama Plaintiff XXXXXXXXXX dan $\frac{1}{2}$ bahagian lagi atau 5.2 ekar di serahkan dan diletak Hak milik atas nama Defendan XXXXXXXXXX

3. Mahkamah **perintahkan** sebidang Hartanah Sebidang Hartanah di bawah suratan Hak milik No. PM 1607 Lot No 3989 Mukim Nyalas, Daerah Jasin Melaka seluas 1123 meter persegi atau 12,087 kaki persegi bersama sebuah rumah yang di bina semula oleh Plaintiff yang dinilai sebanyak RM50,000.00 dari rumah asal FELDA di bahagi dua mengikut nilai iaitu Plaintiff mendapat nilai RM25,000 dan Defendan mendapat nilai RM25,000.00.

Sekiranya Plaintiff berkehendakkan rumah tersebut maka Plaintiff hendaklah membayar RM25,000.00 kepada Defendan, begitulah sebaliknya.

4. Mahkamah perintahkan pihak-pihak berkuasa hendaklah melaksanakan perintah tersebut dengan memasukkan dan meletak

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

hak ke atas tanah dan rumah tersebut seperti mana yang di perintahkan.

5. Mahkamah **menolak** lain-lain tuntutan Plaintiff untuk mendapatkan $\frac{1}{2}$ bahagian daripada wang pajakan sebanyak RM5,400.00 dan $\frac{1}{2}$ bahagian daripada bayaran sara diri Defendan mulai bulan Mei 2004 hingga Mei 2007 dan $\frac{1}{2}$ bahagian bayaran hasil yang dibayar oleh FELDA kepada Defendan mulai bulan Jun 2007 sehingga perintah tuntutan harta sepencarian diputuskan.
6. Mahkamah **menolak** tuntutan Defendan untuk mengisytiharkan dan mendapatkan $\frac{2}{3}$ bahagian daripada rumah dan tanah di JA 2627 Rumah Awam Pondok Batang, Asahan Melaka sebagai harta sepencarian.
7. Kos ditanggung oleh pihak masing-masing.

Peguam Syarie:

Plaintif - Tetuan Rosfinah & Co

Defendan - Mohd Adli bin Ithnin dari Tetuan Adli & Co

Surah-surat al-Quran yang dirujuk

Surat Al-Baqarah Ayat 282 dan 283

Kitab-Kitab yang di rujuk

1. Kitab al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siasah al-Syariyyah
Oleh Ibnu Qayyim al-Jauziyyah
2. Kitab Bughyah al-Mustersyidin
Oleh Sayid Abdul Rahman bin Muhammad bin Hussain bin Umar
3. منهاج الطالبين
Karangan al-Iman al-Nawaw
4. اعانة الطالبين
Karangan Al-Syed al-Bakri Ibnu Al-Sayed Mohamad Shatha Al-Damyaty
5. Kitab Hasyiah l'aanah al-Taalibin
Karangan Muhammad Syata' al-Damyaty
6. النظام المالي للزوحين
Al-Ustaz Ra'du mifdad Mahmud
Al-Hamdani – Peguam Iraq
7. دور القيم والأخلاق في الافتتاح الاسلامي
Karangan Dr. Yusuf al-Qaradhawi
8. مقومات الحمل في الاسلام
Karangan Dr Abdul Sami al-Misriy

Undang-Undang yang di rujuk

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka Seksyen 3
2. Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002 Seksyen 122
3. Tafsiran Harta Sepencarian

Kes-Kes yang di rujuk

1. Kes XXXXXX Lawan XXXXXX [1425 H] J.H. XVII/II
2. Kes XXXXXX lawan XXXXXX [1426 H] J.H.XIX/I

3. Kes XXXXXX lawan XXXXXX [1427 H] J.H.XXI/I

PENGHAKIMAN OLEH YAA DATUK MAHAMMAD BIN IBRAHIM

1. Dalam kes ini Plaintiff dan Defendan menuntut hartanah dan sebuah rumah di atas diisytiharkan sebagai Harta Sepencarian. Di samping itu juga pihak Plaintiff memohon supaya harta dan rumah tersebut di bahagikan sama banyak mengikut kadar sumbangan masing-masing.
2. Dalam kes ini Mahkamah adalah diberi kuasa untuk mendengar membicarakan seterusnya membuat keputusan terhadap tuntutan harta sepencarian tersebut. Ini adalah jelas seperti mana di dalam seksyen 3(b)(x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka tahun 2002.

Menurut seksyen 3(b)(x):

“Dalam bidang kuasa Malnya mendengar dan memutuskan semua tindakan atau prosiding jika semua pihak dalam tindakan

atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan pembahagian atau tuntutan harta sepencarian.

3. Mahkamah juga diberi bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan harta sepencarian tersebut seperti mana yang di peruntukan di dalam seksyen 122, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka 2002).

Mengikut Seksyen 122(1):

“Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talak atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintahkan supaya apa-apa aset-aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.”

4. Dalam kes ini telah terbukti kepada Mahkamah bahawa oleh sebab mereka telah bercerai di Mahkamah Rendah Syariah Melaka maka Plaintiff dan Defendan berhak menuntut harta sepencarian tersebut.

5. Daripada keterangan-keterangan dan hujahan yang diberikan, Mahkamah dapati timbul beberapa persoalan mengenai tuntutan harta sepencarian tersebut. iaitu:-
- i) Adakah pihak Plaintiff dan Defendan berhak untuk menuntut harta sepencarian tersebut mengikut Undang-Undang dan Syarak.
 - ii) Adakah pihak Plaintiff dan Defendan mempunyai bukti-bukti yang kukuh terhadap sumbangan mereka dalam mendapat harta tersebut
 - iii) Berapakah takat-takat sumbangan mereka.
6. Mengenai persoalan pertama Mahkamah berpendapat bahawa Plaintiff dan Defendan berhak menuntut harta-harta tersebut sebagai harta sepencarian. Ini adalah berdasarkan kepada Seksyen 122 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2002 ada menyebut bahawa:-122(2): Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Subseksyen (1) Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang:
- a) Takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh setiap satu pihak dalam bentuk wang, harta atau kerja bagi memperoleh aset-aset itu.
 - b) Apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka.
 - c) Keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu jika ada

dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pertimbangan yang sama banyak.

7. Mengikut tafsiran Harta Sepencarian di dalam Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002.

Harta Sepencarian

Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum syarak.

8. Peruntukan Seksyen 122 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka, jika dibaca bersama dengan tafsiran harta sepencarian di atas membawa maksud harta sepencarian tersebut boleh wujud dalam tiga keadaan.

Pertama: Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syarak dengan usaha bersama mereka.

Kedua: Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu.

Ketiga: Harta-harta yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan yang telah dimajukan kepada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu berkuat kuasa menurut syarat-syarat yang di tentukan oleh hukum syarak oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama suami isteri.

9. Di dalam kitab al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siasah al-Syar'iyyah, Ibnu Qayyim al-Jauziyyah cetakan Dar al Kitab al-Alamiyah, pada muka surat 22 ada menyebut

ومن ذلك : أن جمهور الفقهاء يقولون في تداعي الزوجين ، والصانعين لمتاع البيت والدكان : إن القول قول من يدل الحال على صدقه . والصحيح في هذه المسألة ، أنه لا عبرة باليد الحسية ، بل وجودها كعدمها . لو اعتبرناها لاعتبرنا به يد الخاطف لعمامة غيره وعلى رأسه عمامة ، وآخر خلفه حاسر الرأس ، ونحن نقطع بأن يده ظالمة عادية ، فلا إعتبار لها .

Yang bererti:

Di antaranya ialah di kalangan ahli perundangan Islam telah sepakat berpendapat bahawa di dalam kes tuntutan antara suami isteri yang sama-sama berusaha dalam mendapatkan harta rumah tangga dan berkedai, tuntutan yang sedemikian hendaklah di terima berdasarkan keterangan yang membuktikan tuntutan itu. Sebenarnya di dalam persoalan ini, pemilikan sesuatu harta itu tidak dikira hanya semata-mata berdasarkan nama yang tertera di dalam harta itu. Setakat nama yang tertera di dalam sesuatu harta itu belum tentu

membuktikan pemilikannya. Kenyataan sebegini adalah kerana seandainya diambil kira hak milik sesuatu harta semata-mata mengikut nama yang tertera di dalam harta itu, maka nescaya serban yang dipakai di kepala seseorang yang merampas serban kepunyaan orang lain akan dikira sebagai serban kepunyaan perampas itu, sedangkan pengiktirafan yang sedemikian adalah suatu kezaliman dan tidak diambil kira.”

10. Didalam kitab Bughyah al-Mustarsyidin ,oleh Sayyid Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Hussain bin Umar meninggal dunia tahun 132Hijrah, mukasurat 197, cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiyyah Beirut Lebanon tahun 1998 M juga ada menyatakan : meninggal tahun 132Hijrah

إختلط حال الزوجين ولم يعلم لأيهما أكثر ، ولا قرينة تميز أحدهما ، وحصلت بينهما فرقة أو موت ، لم يصح لأحدهما ولا وارثه تصرف في شيء منه قبل التمييز أو الصلح إلا مع صاحبه ، إذ لا مرجح .

Yang bererti:

“Telah bercampur harta suami isteri dan tidak diketahui harta siapa yang lebih banyak tidak ada tanda-tanda yang dapat membezakan harta salah seorangnya-kemudian berlaku perpisahan antara keduanya ataupun mati, maka tidak sah salah seorang dari mereka (suami isteri) atau warisnya memerintah (Mengguna) sesuatu daripada harta itu sebelum dapat dibezakan ataupun sebelum adanya persetujuan antara pihak-pihak (al-Sulh), kecuali bersama-sama

dengan pemiliknya oleh sebab tidak merajjij (tanda yang membezakan di antara harta-harta berkenaan)'

11. Di dalam kes ini, mengikut keterangan Plaintiff bahawa harta-harta yang berkenaan telah diperolehi bersama Plaintiff dan Defendan semasa memasuki tanah Rancangan FELDA. Usaha ini dibuat oleh Plaintiff dengan merayu kepada FELDA supaya mereka diterima masuk menjadi peneroka FELDA dengan syarat mereka adalah pasangan suami isteri yang telah berkahwin. Akhirnya mereka diterima masuk sebagai peneroka FELDA di mukim Nyalas Daerah Jasin Melaka. Menurut keterangan Plaintiff bahawa beliau yang mengusahakan tanah tersebut dengan dibantu oleh Defendan dan anak-anaknya. Pada tahun 1978 sehingga tahun 1977 mereka telah mengusahakan, menebas dan membajak di kawasan FELDA yang telah ditanami dengan pokok getah. Kemudian selepas tahun 1998 tanah FELDA itu pula ditanam semula dengan kelapa sawit.
12. Plaintiff seterusnya memberi keterangan bahawa walaupun sebagai peneroka dalam masa yang sama beliau sebagai Guru Tadika. Plaintiff menyatakan di dalam keterangannya bahawa di sebelah pagi sebelum beliau pergi mengajar, beliau akan pergi menoreh dahulu. Kemudian beliau akan pergi mengajar di tadika. Beliau pergi mengajar dengan menaiki bas M.O.S. dan akan kembali dari tadika pada lebih kurang 12 tengah hari. Sekembali beliau ke rumah. Beliau akan memasak

makanan anak-anak. Pada sebelah petang pula lebih kurang jam 2 petang beliau akan ke kebun menguruskan kerja-kerja seperti menajak tanah dan membersihkan kebun. Anak-anak beliau akan menemani beliau ke kebun. Semasa Plaintiff mempunyai anak yang ramai, anak perempuan beliau bernama Aliza yang akan menjaga adik-adik yang masih kecil. Keadaan ini berlaku pada tiap-tiap hari hinggalah bertahun-tahun. Pada sebelah petang pula sekembali dari kebun, beliau akan menguruskan anak-anak dan rumah tangga. Mengenai kerja Defendan, Plaintiff menjelaskan bahawa Defendan adalah seorang yang pemalas dan ada masa beliau ke kebun dan ada masa tidak. Apabila anak-anak sudah besar, mereka membantu membersihkan kebun dan menoreh getah. Menurut Plaintiff lagi perkara itu berlaku pada sekitar tahun 1978 sehingga tahun 1997, selepas tahun 1997 hingga tahun 1998, pokok getah telah ditebang dan kemudian di tanam semula kelapa sawit. Bila ditanya Peguam semasa soalan utama siapa menanam kelapa sawit, Plaintiff menyatakan bahawa apabila mendapat hasil jualan daripada penebangan pokok getah, Defendan telah mengupah seorang Cina untuk menanam kelapa sawit dan selepas proses menanam tersebut, Cina tersebut telah menyerahkan semula kebun kepada Defendan. Kemudian pada tahun 2003 Defendan telah memajak pula tanah tersebut kepada satu kontraktor Cina sehingga tahun 2005 dan Defendan telah mendapat bayaran sebanyak RM5000.00 setahun. Keseluruhan wang yang diterima dari kontraktor Cina tersebut adalah

sebanyak RM18,000.00. Menurut Plaintiff, wang tersebut tidak diberikan kepadanya walau sedikit pun sehinggalah FELDA mengambil alih pengurusan hartanah FELDA tersebut.

13. Di dalam soal balas oleh peguam Defendan, Mahkamah dapati Plaintiff telah keluar rumah kerana ada Perintah dari Mahkamah Majistret Jasin yang memberi perlindungan "Interim Protection Order" (IPO) kerana Defendan telah memukul Plaintiff. Pihak Peguam Plaintiff telah menyerahkan borang I mengenai keganasan rumah tangga untuk di tandakan sebagai PIO.
14. Berkenaan kebajikan diri Defendan pula, Plaintiff dalam keterangannya menyatakan beliaulah juga yang menguruskan diri Defendan termasuk makan minum, pakaian, membasuh baju dan segala urusan rumah tangga. Plaintiff juga menyatakan semasa berkahwin dengan Defendan, kehidupan mereka sangat susah kerana tabiat Defendan yang suka menghabiskan masa dengan perkara-perkara yang tidak baik. Tabiat Defendan ini adalah dari muda sehingga tua dan sehingga ke saat Plaintiff bercerai dengan Defendan. Untuk menampung kehidupan anak-anak yang semakin ramai, Plaintiff juga membuat jualan kuih-muih. Defendan tidak membantu dari segi kewangan. Berkenaan makanan, pihak FELDA telah memberi bantuan berbentuk barang makanan sebanyak RM150.00 setelah ditolak hutang dan setelah ditolak hasil jualan getah. Hasil pendapatan jualan kuih-muih

Plaintif gunakan untuk anak-anak. Semasa anak-anak semakin membesar contohnya sewaktu Shahrul Anuar ingin memasuki Universiti, Plaintif membuat pinjaman koperasi sebanyak RM2000.00.

Keterangan Saksi-Saksi Plaintif

Keterangan berkenaan pekerjaan Plaintif sebagai guru tadika dan peneroka

15. Keterangan ini disokong oleh SP1 bahawa Plaintif telah memasuki FELDA bersama Defendan. SP1 adalah Penolong Pengurus FELDA Bukit Senggeh dan keterangan SP1 juga adalah sebagai keterangan pakar yang menerangkan tentang prosedur-prosedur dan peraturan-peraturan yang di kenakan oleh FELDA kepada peneroka-peneroka. SP1 juga menyokong keterangan-keterangan Plaintif seperti mengesahkan P1 dan P2 (tanah tersebut) dan Defendan ada menyewakan tanah 10 ekar tersebut kepada kontraktor Cina. Apabila FELDA mengambil alih tanah tersebut maka FELDA telah membayar semula kepada kontraktor Cina tersebut sebanyak RM300 sebulan selama tempoh 18 bulan. Bayaran ini telah di bayar mulai bulan Mei 2006. Bayaran ini diambil dari jumlah bayaran sara diri yang dibayar oleh FELDA kepada Defendan sebanyak RM750.00 sebulan. Bayaran sara hidup ini telah dibayar kepada Defendan bermula Mei 2004 sehingga Mei 2007. Selepas tempoh 3 tahun FELDA akan membayar hasil kepada Defendan, iaitu sebanyak RM250 satu tan dan Defendan dijangka mendapat hasil sehingga 5 tan. Ini bermakna Defendan

boleh memperoleh RM1150 sebulan. Semasa SP1 memberi keterangan ini pada tarikh 30.5.2006 bahawa Defendan telah pun menerima bayaran. SP1 seterusnya memberi keterangan pada asalnya tanah tersebut tidak boleh dibahagi separuh-paruh, tetapi oleh kerana ada pindaan yang dibuat oleh Parlimen pada tahun 2002 maka bekas isteri layak mendapat bahagian bersama di atas tanah tersebut. Ini sekiranya bekas suami bersetuju untuk membahagikan bahagian tanah kepada bekas isteri. Jika bekas suami tidak bersetuju bekas isteri dikehendaki membuat tuntutan ke Mahkamah Syariah. Apabila Mahkamah telah membuat keputusan bahawa hartanah tersebut adalah harta sepencarian, perintah Mahkamah tersebut hendaklah dihantar ke Pejabat Tanah Daerah untuk di proses dan dimasukkan hak milik bersama terhadap tanah tersebut.

16. SP1 di dalam keterangannya telah mengemukakan dokumen **"PERATURAN TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN, NAFKAH DAN HAK BEKAS ISTERI"** Pekeliling Bil.1/2006 dari Jabatan Tanah. Di dalam pekeliling ini menyatakan carta proses memasukkan nama bekas isteri sebagai Pemegang/Pemilik Bersama. Ini bermakna seseorang bekas isteri adalah layak untuk mendapat tanah FELDA sebagai harta sepencarian walaupun nama bekas suami tertera di atas geran hak milik tersebut. Pekeliling ini seterusnya di tanda P19. Menurut pekeliling tersebut, bekas isteri juga berhak dimasukkan nama di dalam geran tersebut. Ini bermakna bekas isteri juga berhak

menikmati hasil yang diperolehi dari tanah Felda di Lot No 3082. Mukim Nyalas, Daerah Jasin Melaka.

17. SP 2,3,4,5 dan 6 juga menyokong bahawa Plaintiff adalah peneroka FELDA kerana mereka merupakan anak-anak dan jiran Plaintiff yang hidup bersama di FELDA Bukit Senggeh dan mereka sendiri nampak Plaintiff mengusahakan tanah FELDA. Keterangan Plaintiff di sokong oleh keterangan saksi-saksi Plaintiff bahawa mereka mengesahkan aktiviti-aktiviti Plaintiff, iaitu Plaintiff mengajar di waktu pagi dan pulang ke rumah pada lebih kurang pukul 12 tengah hari, seterusnya memasak. pada jam 2 petang pergi ke kebun untuk mengusahakan kebun. Mereka juga mengesahkan bahawa perbelanjaan rumah tangga Plaintiff ditanggung oleh Plaintiff dan Defendan ada menanggung tetapi hanya sedikit, yang selebihnya adalah Plaintiff. Berkenaan makanan pula mereka mengesahkan mengambil dari pihak FELDA.

Keterangan berkenaan Defendan yang jarang pergi ke kebun/kalau ada pergi hanya sekadar menghantar tetapi tidak mengusahakan

18. Keterangan ini disokong oleh SP2 yang menyatakan bapanya jarang datang ke kebun dan kalau datang pun Defendan hanya tengok-tengok sekejap dalam 10 minit dan anak-anak yang buat kerja seperti SP2 pungut sekerap dan abang menorah getah. Begitu juga

keterangan SP 3,4,5 dan 6 masing-masing menyatakan Defendan ada ke kebun tetapi hanya sekadar pergi sekejap tetapi tidak mengusahakan kebun, malahan SP6 pula mengatakan "ayah hanya hantar kami ke kebun, lepas itu ayah hilangkan diri tah tahu ke mana."

Keterangan berkenaan Defendan yang gemar melakukan perkara yang tidak elok

19. Keterangan ini disokong oleh SP2 dan SP6 yang masing-masing adalah anak-anak kandung Plaintiff dan Defendan sudah pasti mengetahui apa yang dilakukan oleh ayah mereka/Defendan yang suka melakukan perkara yang tidak baik. Malahan SP6 pernah lihat dan duduk bersama-sama Defendan dan melihat tingkah laku Defendan.

Keterangan Defendan

- 20 Defendan semasa memberi keterangan, mengatakan bahawa beliau kini bekerja menoreh getah di FELDA Bukit Senggeh milik isteri barunya sebelum berhenti kerja sebagai pemandu van 2 tahun dahulu. Defendan menyatakan pada mula-mula masuk FELDA beliau yang mengerjakan tanah tersebut bersama Plaintiff seperti menajak rumput dan menebas anak-anak kayu. Bila pokok getah telah boleh ditoreh,

Defendan pergi menoreh getah. Defendan juga mengatakan Plaintiff juga ikut bersama menoreh getah.

21. Berkenaan dengan keterangan saksi-saksi Plaintiff, Mahkamah berpendapat bahawa Plaintiff telah berjaya membuktikan keterangan-keterangan sokongan mereka dan keterangan mereka semuanya konsisten. keterangan saksi ini adalah sah menurut syarak berpandukan kepada al-Quran dan sunah serta ijma' ulama'. Allah s.w.t. berfirman di dalam Surah al-Baqarah ayat 282:

واسنشهدوا شهيدين من رجالكم ،

Yang bermaksud:

“Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu.”

Allah s.w.t. berfirman di dalam Surah al-Baqarah ayat 283

ولا تكتموا الشهادة ، ومن يكتمها فإنه آثم قلبه

“Dan janganlah kamu (wahai orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. Dan sesiapa yang menyembunyikannya, sesungguhnya dia adalah orang berdosa hatinya.”

Mengikut Al-Iman Al-Nawawi dalam kitabnya منهاج الطالبين

واذا لم يكن في القضية الاثنان لزمهما الاراء

Apabila dalam kes tersebut tidak ada saksi melainkan dua orang saksi maka ketika itu ia wajib memberikan kesaksian

22. Plaintiff juga telah mengemukakan keterangan dokumentar yang di tanda dari P1 hingga P6 berkenaan hartanah-hartanah ini dan Defendan juga tidak membantah berkenaan dokumen-dokumen ini. Bahkan Defendan juga mengakui Plaintiff turut sama-sama mengerjakan tanah ini.
23. Mengenai persoalan adakah harta yang dituntut oleh Plaintiff sebagai harta sepencarian itu diperolehi semasa perkahwinannya dengan Defendan mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum syarak dan undang-undang.
24. Fakta telah menunjukkan bahawa Plaintiff telah berkahwin dengan Defendan pada 7.4.1969 dan bercerai pada 7.3.2003. Perceraian ini telah disahkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Jasin. Sepanjang tempoh perkahwinan mereka telah dikurniakan 12 orang anak. Harta-harta yang dituntut pula telah diperolehi semasa mereka menyertai FELDA.
25. Mengenai persoalan apakah sumbangan Plaintiff dalam usaha mendapatkan harta-harta ini? Adakah wujud fakta yang menunjukkan, Plaintiff berusaha mendapatkan harta-harta tersebut. Saya dapati bahawa pihak Plaintiff telah membuat rayuan kepada FELDA sehingga FELDA memberi persetujuan menempatkan mereka

sebagai anggota peneroka FELDA dan seterusnya berusaha bersama memajukan tanah FELDA tersebut. Plaintiff mengerjakan tanah-tanah tersebut bersama-sama anak-anak. Plaintiff adalah seorang guru Tadika dan beliau telah mengerjakan tanah tersebut sekembalinya ke rumah jam 2 petang. Kemudian di sebelah petangnya beliau akan ke kebun mengusahakannya dan akan kembali ke rumah apabila waktu asar. Fakta-fakta seterusnya mengenai usaha Plaintiff seperti telah dijelaskan di atas tadi. Saksi-saksi Plaintiff juga menyokong keterangan Plaintiff.

26. Mengenai persoalan berapakah takat sumbangan Plaintiff dalam mendapatkan harta berkenaan? Mahkamah dapati bahawa Plaintiff telah menyumbang usaha dan tenaga secara langsung dalam memperolehi tanah ini, seterusnya mengusahakannya serta telah mendidik anak-anak sehingga anak-anak berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.
27. Namun begitu di akhir-akhir kerancakan penggulungan hujah di antara Peguam Plaintiff dan Peguam Defendan, Peguam Defendan telah mendapat isyarat dan mandat daripada pelanggannya (Defendan) untuk memberikan persetujuan terhadap tuntutan hartanah tersebut, iaitu Defendan bersetuju memberi $\frac{1}{2}$ bahagian daripada 10.4 ekar di No PM 1294 Lot No 3082 Mukim Nyalas Daerah Jasin Melaka kepada Plaintiff. Dengan persetujuan tersebut Mahkamah akan membuat

Perintah seperti mana yang dipersetujui. Dalam persoalan ini segala keterangan-keterangan sama ada keterangan defendan dan Plaintiff dan saksi-saksinya masih boleh diterima pakai kerana keterangan tersebut berkait rapat antara satu sama lain. Ini adalah kerana pihak Defendan ingin meneruskan perbicaraan tuntutan-tuntutan Plaintiff yang lain.

28. Mengenai tuntutan Plaintiff terhadap Hartanah di bawah suratan Hak Milik No. PM 1607 Lot No. 3989 di Mukim Nyalas Daerah Jasin Melaka seluas 1123 meter persegi atau 12,087 kaki persegi bersama sebuah rumah yang dibina semula oleh Plaintiff sebanyak RM50,000.00 dari rumah asal FELDA. Mahkamah dapati bahawa rumah dan tanah itu telah diduduki sejak mereka mula melangkah ke FELDA bersama suami pada 4.3.1974 lagi. Ini bermakna di rumah mereka itulah mereka berteduh dan mendiami dan telah hidup sebagai pasangan suami isteri.
29. Mahkamah dapati juga pihak Plaintiff ada menyumbangkan tenaga dan wang ringgit untuk membesarkan rumah tersebut, iaitu dengan mengumpulkan wang ringgit hasil daripada gaji yang diterima oleh Plaintiff untuk membesarkan rumah itu. Di samping itu juga segala hasil-hasil jualan getah dan kelapa sawit dikumpulkan untuk membesarkan rumah tersebut. Ini adalah kerana mereka telah dianugerahi dengan anak begitu ramai.

30. Pihak Plaintiff telah membuat penilaian terhadap rumah itu dengan anggaran RM50,000.00. Dalam pada itu Mahkamah dapati pihak Defendan telah mengeluarkan wang KWSP sebanyak RM4,000.00 untuk membina bilik tambahan di dalam rumah Felda Bukit Senggeh Jasin Melaka.
31. Dalam isu ini saya berpendapat bahawa oleh sebab ada sumbangan pihak Plaintiff dalam memperbaiki dan membesarkan rumah tersebut maka ia berhak mendapat $\frac{1}{2}$ bahagian daripada RM50,000. Saya dapati juga pihak responden telah menyumbangkan sebanyak RM4,000.00 hasil daripada wang KWSP Defendan untuk membesarkan bilik rumah tersebut maka responden berhak juga mendapat $\frac{1}{2}$ bahagian daripada nilai rumah itu.
32. Sekiranya pihak Defendan mahu mengekalkan rumah tersebut kepadanya Mahkamah berpendapat bahawa Defendan hendaklah membayar kepada Plaintiff sebanyak RM25,000.00. Begitulah sebaliknya sekiranya Plaintiff berkehendakkan rumah tersebut maka Plaintiff hendaklah membayar RM25,000.00 kepada Defendan.
33. Mengenai tuntutan balas pihak responden mengenai sebuah rumah di JA 2627, Rumah Awam Pondok Batang – Responden menuntut supaya rumah tersebut di isytihar sebagai harta sepencarian kerana

responden mendakwa ia berhak mendapat 2/3 bahagian daripada harga rumah tersebut. Beliau mendakwa rumah tersebut dibeli dalam masa perkahwinan mereka berdua. Mereka bersama-sama menguruskan urusan pembelian di pejabat Peguam di Jalan Hang Jebat, Melaka. Menurut Defendan mereka dapat membeli rumah "coner lot" dengan harga belian sebanyak RM27,000.00. Plaintiff telah mengeluarkan wang KWSP sebanyak RM10,000.00 Manakala Defendan telah mengeluarkan wang KWSP sebanyak RM4,000.00. Tetapi wang RM4,000.00 yang telah dikeluarkan oleh Defendan digunakan untuk ubahsuai dengan membina bilik tambahan di dalam rumah di Felda Bukit Senggeh, Jasin, Melaka bukan diberikan kepada Plaintiff untuk membayar deposit rumah tersebut.

34. Berkenaan dengan tuntutan Defendan terhadap sebuah rumah di JA 2627, Rumah Awam Pondok Batang, Plaintiff tidak bersetuju dengan tuntutan Defendan. Plaintiff dalam keterangannya mengatakan rumah ini dibeli oleh Plaintiff dari pemaju Pelasari Sdn.Bhd. Plaintiff pergi bersendirian ke pejabat pemaju tersebut dan menguruskan pembelian rumah tersebut. Semasa di tanya dalam soalan balas Plaintiff mengatakan Defendan tahu tentang pembelian rumah ini dan dia bersetuju Plaintiff beli kerana kata Defendan itu adalah duit Plaintiff. Pembelian rumah adalah menerusi pinjaman Maybank Jasin. Harga belian adalah sebanyak RM28,000.00 dan pinjaman Bank sebanyak RM18,000.00. Bukti pinjaman dari Maybank ditandakan sebagai P14

dan P17 iaitu "INQUIRY LOAN BALANCE" bertarikh 14.01.2006 yang menunjukkan Plaintiff telah membuat pinjaman sebanyak RM18,000.00. Mengikut penyata bank pada tarikh 14.01.2006, baki bayaran adalah sebanyak RM9,560.04. Kesemua surat menyurat pinjaman ini adalah di atas nama Plaintiff. Duit muka, Plaintiff membayar dengan wang KWSP dan di campur dengan duit bekerja sebagai guru Tadika serta membuat jualan langsung serta jual kuih. Keseluruhan duit muka berjumlah RM10,000.00. Bukti pembayaran duit muka ini di tandakan P15. Walaupun resit tersebut menunjukkan RM9,700.00 namun Plaintiff mengatakan beliau telah mengumpul duit beliau dan membayar RM10,000.00. Manakala untuk bayaran bulanan kepada Bank, Plaintiff membayar sebanyak RM173.00 sebulan dan ada masa Plaintiff membayar lebih. Bukti pembayaran bulanan di lampirkan secara kolektif dan di tanda sebagai P16. Pemilikan yang menunjukkan bahawa Plaintiff adalah pemiliknya seperti di dalam Perakuan Hakmilik Bangunan dari Majlis Daerah Jasin yang dilampirkan dan di tanda P13. Menurut Plaintiff lagi, berkenaan dengan cukai tanah dan cukai pintu kesemuanya Plaintiff yang dibayar pada tiap-tiap tahun.

35. Keterangan saksi-saksi Plaintiff iaitu SP2, SP4, SP5 dan SP6 yang mengatakan rumah tersebut di beli oleh Plaintiff dan dibuat secara pinjaman malahan SP2 menyatakan tidak ada orang lain yang menyumbang pembeliannya melainkan Plaintiff sahaja.

36. Mahkamah berpendapat bahawa kesemua urusan pembelian dibuat oleh Plaintiff. Dokumen-dokumen yang dikemukakan semuanya dikemukakan oleh Plaintiff. Ini menunjukkan bahawa urusan pembelian dan urusan pinjaman di buat oleh Plaintiff. Bayaran kepada pihak Bank di buat secara bayaran bulanan. Malahan Plaintiff ada bertanya Defendan mengenai pembelian harta ini tetapi Defendan acuh tak acuh sahaja dan menjawab 'duit engkau'. Ini menunjukkan Defendan tidak mengambil berat dan tidak berminat tentang pembelian harta ini. Walaupun Defendan berkata, beliau ada mengikuti Plaintiff ke pejabat Peguam di Jalan Hang Jebat untuk menandatangani Perjanjian Jual Beli, namun keterangan ini telah dinafikan awal lagi oleh Plaintiff yang mengatakan beliau pergi bersendirian. Defendan juga tidak membawa keterangan seorang saksi pun untuk menyokong bahawa beliau berhak terhadap harta ini, mahupun keterangan dokumen atau maklumat berkenaan dan apakah sumbangan serta berapakah takat sumbangan beliau di dalam memperolehi harta ini. Saksi-saksi yang dibawa oleh Defendan iaitu SD1 hanya menerangkan tentang harta yang dituntut oleh Plaintiff, manakala SD2 tidak pasti apa yang dituntut oleh Defendan dan hanya menerangkan bahawa harta JA 2627, Rumah Awam Pondok Batang ini dibeli semasa mereka suami isteri. Saksi ini juga tidak membuktikan harta yang manakah yang Defendan memberi sumbangan bersama Plaintiff untuk memperolehinya. Mahkamah mendapati bahawa

tuntutan balas ini gagal dibuktikan oleh Defendan dan Defendan tidak melepaskan bebannya menurut seksyen 72,73 dan 74 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Melaka 2002 (EKMSNM) kerana beban pembuktian (pembuktian fakta dan memberi keterangan) yang perlu bagi Defendan kemukakan untuk tuntutan balasnya boleh disabitkan adalah sampai ke tahap yakin atau tahap paling berat. Ke bawah dari tahap yakin ialah tahap 'tidak pasti'. Ia terbahagi kepada tiga jenis iaitu zan, syak dan waham. Zan bermaksud sangkaan atau dalam keadaan tidak pasti tetapi lebih mirip kepada benar. Tahap ini masih tidak cukup untuk mensabitkan sesuatu kes. Syak pula ialah sangkaan atau keadaan tidak pasti di antara sabit atau tidak sabit atau tidak dapat di buat pilihan di antara dua kerana persamaan tahap kemungkinannya. Waham pula sangkaan atau keadaan tidak pasti yang cenderung kepada salah. Berdasarkan kenyataan bahawa ada kalanya zan menepati kebenaran, maka zan yang sampai ke tahap ghalabah Az-zan atau "berat sangka" adalah diterima dalam keterangan dan pembuktian.

Kesimpulan di dalam tuntutan Defendan ini Defendan hendaklah membuktikan kesnya ke tahap yakin atau sampai ke tahap berat sangka. Kes ini berdasarkan kepada kes XXXXXXXXXX LAWAN AHMAD MUDA (1425 H) JH XVII/II di m/s 199-218 yang diputus oleh Y.A. Dato' Haji Ismail bin Yahya pada 28 Rejab tahun 1424 H

bersamaan 25 September 2003 Hakim Mahkamah Tinggi
Syariah Terengganu.

37. Di dalam kes rayuan XXXXXX LWN XXXXXX (1426 h)JH XIX/1 m/s 109-123 Mahkamah juga memutuskan pihak yang menuntut hendaklah mengemukakan keterangan adanya perolehan dalam masa perkahwinan tersebut, sama ada dalam bentuk tanah, rumah, kenderaan, barang kemas, perhiasan atau sebagainya. Adalah diujahkan bahawa kaitan antara perkahwinan dengan perolehan yang memungkinkan perolehan itu terlaksana. Kaitan itu hendaklah ada kebolehterimaan. Pihak yang menuntut memikul tugas dalam menghubungkan antara perkahwinan dan perolehan harta yang dipohon, untuk tujuan mengaitkan antara perkahwinan dengan perolehan, keterangan lisan pihak-pihak, saksi-saksi yang dipanggil, dokumen yang dikemukakan boleh diguna untuk mengesahkan atau menafikan adanya hak sepencarian dalam harta yang dituntut.
38. Mahkamah juga perlu mendapat gambaran yang jelas tentang lama dan tahap usaha dan tenaga yang dicurahkan untuk menghasilkan harta tersebut. Melalui keterangan saksi-saksi dan dokumen (jika tidak ada pengakuan) pihak-pihak itu sendiri, Mahkamah dapat mengukur tahap sumbangan/usaha yang telah diberi oleh Defendan. Mahkamah yang mendengar kes hendaklah mengguna kuasanya

menentukan tahap sumbangan/usaha yang telah diberi untuk memfailkan harta yang dituntut.

39. Mahkamah merujuk kepada kes XXXXXX lawan XXXXXX (1427) JH XXI/I di m/s 43-53. Di dalam kes ini diputuskan bahawa tuntutan sebuah rumah di 728, Taman Panchor Jaya ini didaftarkan atas nama Plaintiff. Bayaran di buat melalui potongan gaji Plaintiff. Berdasarkan kepada dokumen-dokumen yang dikemukakan, Mahkamah percaya bahawa harta atau rumah ini adalah diperolehi dari usaha Plaintiff sahaja. Tuntutan terhadap sebuah rumah di Ustari Perdana, sebidang tanah di Sayong dan sebuah Kereta Kancil, tiada satu pun dokumen atau maklumat berkenaan dan tidak dinyatakan secara jelas berserta dengan dokumen-dokumen yang berkaitan.
40. Dalam kes Plaintiff ini saya dapati pihak Defendan dalam keterangan mengatakan bahawa beliau telah menyumbangkan tenaganya hadir dan mengikuti bersama menguruskan urusan pembelian di Pejabat Peguam di Jalan Hang Jebat, Melaka. Sedangkan pihak Plaintiff menyatakan dan mempertikaikan jawapan Defendan yang tidak konsisten mengenai tempat menandatangani perjanjian jual beli sama ada di ruang berdekatan dengan Pemaju Pelasari atau di Pejabat Peguam Jalan Hang Jebat, Melaka. Dalam perkara ini saya tidak nampak sumbangan tersebut, kalau hanya berkadar sekali hadir dan

mengikuti bersama ke pejabat Peguam bagi menguruskan pembelian rumah tersebut. Tidak bermakna seseorang itu boleh mendapat harta sepencarian tersebut kerana apa yang hendak di ambil kira ialah sumbangan yang boleh di nilai kadarnya seperti wang ringgit, tahap usaha tenaganya, buah fikirannya atau apa-apa sumbangan yang boleh di nilai. Apakah sumbangannya sekali hadir boleh diambil kira? Kalau boleh di ambil kira maka saya berpendapat di manakah tanggungjawab suami terhadap isteri dalam urusan rumah tangganya. Dalam hal ini saya tidak nampak apa-apa bukti-bukti yang di bawa untuk menyokong keterangan, malah saksi-saksi pun tidak ada yang menyokong keterangan Defendan. Mahkamah menganggap bahawa segala keterangan Defendan mengenai tuntutan tersebut hanyalah sebagai dakwaan semata-mata. Mahkamah berpendapat bahawa dakwaan defendan adalah tidak memenuhi kehendak dan syarat dakwaan seperti mana yang dikehendaki oleh hukum syarak.

41. Mengikut Al-Syed al-Bakri Ibnu al-Sayed Mohamad Shatha al-Dumyati (meninggal tahun 1300 Hijrah) di dalam kitabnya "اعانة الطالبين" halaman 508-509, jilid 4 cetakan al-Maktabah al-Taufiqiyyah Mesir ada menyebut:-

1. أن نكون مفصلة بان يفصل المدعي ما يدعيه

1. Dakwaan seseorang yang mendakwa itu hendaklah terang dan menghuraikan secara terperinci

2. أن تكون ملزمة للمدعي عليه

2. Yang kena dakwa terikat dengan dakwaan

3. أن يعين المدعى عليه

3. Hendaklah ditentukan orang kena dakwa

4. أن لا تناقضها دعوى أخرى

4. Dakwaan yang dibuat tidak bercanggah dengan dakwaan yang lain

5. أن يكون كل من المدعي والمدعى عليه مكلفا

5. Bahawa tiap-tiap orang yang mendakwa atau kena dakwa adalah mukallaf

6. أن يكون كل منهما ملتزما للأحكام

6. Bahawa tiap-tiap orang yang mendakwa dan orang yang kena dakwa terikat dengan hukum.

Mengikut Abu Bakar Ibnu Muhammad Syata' al-Damyaty dalam Kitabnya Hasyiah l'aanah al-Taalibin, setahun pertama 1418/1997 M, Terbitan Darul Fikry, Beirut, Labenon hal 290 ada menyebutkan:

وفى الدعوى بعقار ذكر جهة ومحلة وحدود اربعة فلايكفى ذكر ثلاثة منها اذا لم الالبا وبعه

Yang bermaksud: "Dalam dakwaan mengenai tanah dan barang yang menetap di atasnya (Rumah) disyaratkan disebutkan arahnya, tempat beradanya dan sempadannya pada empat hala di dalam dakwaan adalah tidak mencukupi dengan hanya menyebut tiga hala sempadannya sahaja jika ianya tidak diketahui melainkan dengan menyebutkan empat hala sempadannya"

42. Mahkamah juga mendapati tuntutan tersebut tidak relevan kerana semua urusan pinjaman pembelian dan pembayaran dibuat atas nama Plaintiff. Penglibatan Defendan tidaklah mencapai tahap yang boleh di kira di bayar sumbangan terhadap pembelian rumah tersebut sekalipun dibuktikan perolehan rumah itu dibuat dalam masa perkahwinan
43. Mengenai lain-lain tuntutan Plaintiff untuk mendapatkan RM5,400.00, iaitu ½ bahagian daripada pajakan hartanah PM1294 Lot No 3082 – Di dalam kes ini Mahkamah mendapati memang ada sumbangan Plaintiff dalam memajukan dan mengusahakan tanah FELDA sehingga mengeluarkan hasil. Hasil yang diperolehi telah di belanja untuk keluarga Plaintiff dan Defendan termasuklah anak-anak mereka. Dalam hal ini Mahkamah tidak boleh menafikan peranan yang dimainkan oleh Plaintiff dalam memajukan dan mengusahakan tanah FELDA ini. Ini adalah kerana beliau berhak mendapat apa-apa faedah ke atas tanah tersebut.

Menurut pandangan al-Ustaz Ra'du Mifdad Mahmud al-Hamdani

النظام المالي للزوجين
seorang peguam di Negara Iraq di dalam kitab
muka surat 85, ada menyebut :

ويحق للزوجين الإتفاق على جعل ملكية أثاث دار الزوجية مشتركة بينهما بغض النظر عن مصدرها ويلحق هذا الإتفاق بعقد
الزواج ويكون ملزما للزوجين .

Pasangan suami isteri adalah berhak menjadikan segala perkakas atau mata benda di dalam rumah mereka sebagai harta perkongsian bersama tanpa memandang dari siapa sumber asalnya, ini adalah kerana akad nikah yang telah dibuat di antara suami isteri tersebut adalah sebagai bukti wujudnya persetujuan bersama di antara mereka berdua, maka dengan ikatan perkahwinan tersebut menjadikan harta yang diperolehi oleh mereka sebagai harta sepencarian bersama.

Merujuk kepada pandangan Dr Yusuf al-Qaradhawi di dalam kitabnya
دور القيم والأخلاق في الإقتصاد الإسلامي muka surat

138 , cetakan maktabah wahbah Kaherah Mesir ada menyebutkan:-

العمل هو كل مجهود واع يبذله الإنسان بدنيا أو عقليا لإستغلال الموارد الطبيعية لمنفعته ، سواء أكان العامل يعمل لنفسه أم
لغيره شريكا بماله أو شريكا بجهدته وخبرته

Maksud kerja ialah tiap-tiap perkara yang dilakukan oleh manusia dengan penuh tekun sama ada berbentuk fizikal ataupun idea bagi menjanakan bahan mentah agar boleh dimanfaatkan. Sama ada pekerja itu melakukan kerjanya itu untuk dirinya sendiri atau untuk

orang lain dalam keadaan berkongsi modal atau berkongsi dari sudut kepakarannya dan pengalamannya.

44. Mahkamah juga merujuk di dalam kitab "مقومات العمل في الإسلام" karangan Dr Abdul Sami' al-Misriy, halaman 10, cetakan Maktabah Wahbah Kaherah Mesir Tahun 1982M ada mentakrifkan:

العمل هو كل جهد يبذله الإنسان - ذهني أو بدني - لخلق منفعة إقتصادية أو زيادة منفعة شيء موجود

Maksud kerja ialah tiap-tiap pengorbanan yang dilakukan oleh seorang insan sama ada berbentuk cetusan idea yang bernas (kepintaran berfikir) atau berbentuk fizikal bagi menghasilkan produk yang baik kepada pertumbuhan ekonomi atau menambah baik sesuatu yang sedia ada. Berdasarkan pandangan para cendekiawan Islam di atas, Mahkamah berpendapat bahawa segala bentuk idea, pandangan atau buah fikiran seorang isteri bagi mendapatkan mana-mana tanah boleh dianggap sebagai harta sepencarian kerana ia dikira sebagai kerja dan usaha yang tidak boleh dipandang remeh.

45. Di dalam kes ini saya dapati bahawa Defendan telah memanggil seorang kontraktor China untuk menebang pokok getah di tanah Lot No 3082. Pokok getah tersebut telah dijual dengan harga RM16,000.00. Hasil jualan pokok getah digunakan untuk mengupah menanam semula kelapa sawit dan membuat pagar. Jumlah yang dikeluarkan oleh Defendan untuk tujuan tersebut ialah RM10,000.00.

Manakala RM2,000.00 di bahagikan kepada Plaintiff. Wang yang selebihnya sebanyak RM4,000.00 telah digunakan untuk perbelanjaan harian dan persekolahan anak-anak yang begitu ramai iaitu 12 orang. Perbelanjaan ini berlaku sekitar tahun 1998, 1999, 2000 dan 2001. Segala tanggungan Defendan kepada anak-anak tidak di catit dan direkodkan sebagaimana yang dilakukan oleh Pegawai Akauntan. Defendan cuma seorang peneroka biasa sahaja. Perbelanjaan tersebut habis begitu sahaja. Namun begitu dalam membuat pertimbangan terhadap sumbangan-sumbangan secara langsung ke atas tanah tersebut, Mahkamah akan cuba melihat sejauh manakah, hasil wang tersebut digunakan oleh Defendan. Adakah hasil wang ini benar-benar digunakan oleh Defendan untuk kegunaan peribadinya atau keluarga atau digunakan untuk mengawal selia tanah FELDA. Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran terhadap perbelanjaan Defendan sebenarnya.

46. Mahkamah dapati pada sekitar April 2003 hingga tahun 2004 saya dapati Defendan ada membuat pajakan selama 2 tahun kepada satu Kontraktor China pada kadar RM5,000.00 setahun. Jumlah pajak selama dua tahun adalah sebanyak RM10,000.00. Mengikut Defendan bahawa beliau telah memanggil satu Kontrak China untuk membersihkan kebun tersebut dengan mencuba memberi kontrak kepada China selama 5 tahun mulai 2003 hingga 2008 bagi tujuan untuk memetik buah kelapa sawit, membuang dahan-dahan kelapa

sawit, mengupah membuat jalan untuk laluan lori untuk mengangkut buah kelapa sawit. Defendan mengaku telah menerima bayaran kontrak China sebanyak RM6,500.00. Akan tetapi beliau mengubah fikirannya dengan alasan beliau menjangkakan akan mendapat keuntungan tetapi setelah dikira maka ia mendatangkan kerugian.

47. Akhirnya Defendan bertekad mengambil semula tanah tersebut daripada pajakan China. Akibatnya beliau dikenakan membayar ganti rugi kepada China tersebut di atas pembatalan kontrak itu. Pembayaran balik dibuat secara beransur-ansur tiap-tiap bulan sebanyak RM300.00. Di dalam pada itu dan ketika itu pihak FELDA telah mengambil alih tanah tersebut dan FELDA telah membayar balik kepada kontrak China dengan bayaran sebanyak RM5,400.00. Pihak FELDA telah memotong RM300.00 tiap-tiap bulan melalui wang sara hidup Defendan. Setakat ini baki yang masih tinggal ialah RM800.00. Bayaran ansuran bulanan ini dijangka tamat beberapa bulan lagi, tetapi menurut Defendan lagi pihak FELDA memberhentikan sementara pembayaran itu dan sekiranya ada hasil maka FELDA akan menyelesaikan baki tersebut. Daripada kenyataan Defendan, Mahkamah berpendapat oleh sebab pihak Defendan telah membentangkan penyata pendapatan dan perbelanjaannya termasuk memberi wang sebanyak RM2,000.00 kepada isterinya, serta selebihnya untuk menyara rumah tangga dan anak-anaknya serta digunakan untuk membaja dan membersihkan tanah FELDA, maka

wang tersebut telah habis digunakan untuk tujuan tersebut. Apakah ada lagi wang yang diterima dari kontrak China sebanyak RM6,5000.00 hasil daripada pajakan tanah tersebut yang digunakan untuk membuat pembayaran balik kepada kontrak China. Ini bermakna wang itu digunakan balik untuk membayar pampasan dan lain-lain perbelanjaan. Oleh itu tuntutan Plaintiff untuk mendapatkan ½ bahagian daripada pajakan tersebut adalah tidak relevan dan tidak munasabah kerana wang tersebut digunakan untuk tujuan tersebut.

48. Mengenai tuntutan Plaintiff untuk mendapatkan ½ bahagian bayaran sara hidup yang dibayar oleh FELDA kepada Defendan sebanyak RM750.00 sebulan bermula bulan Mei 2004 sehingga bulan Mei 2007 - Mahkamah berpendapat mengikut keterangan Defendan bahawa tuntutan Plaintiff untuk ½ bahagian daripada bayaran sara hidup adalah setelah Plaintiff dan Defendan bercerai. Mengikut Defendan bahawa pada tarikh tersebut beliau mengakui ada menerima wang sara hidup yang diberikan oleh FELDA adalah sebanyak RM750.00. Namun begitu wang tersebut digunakan untuk membayar pelbagai tanggungan hutang. Antaranya:-

- a) Belanja untuk diri Defendan setiap bulan - RM200.00
- b) Bayar Api/Air - RM065.00

- | | | |
|----|----------------------------------|------------|
| c) | Ansuran kereta | - RM232.00 |
| d) | Duit minyak sebulan | - RM300.00 |
| e) | Belanja nafkah Salwa dan Fatimah | - RM250.00 |
| | (XXXXXX RM200 + XXXXXX RM50) | |

RM1,047.00

49. Mahkamah berpendapat bahawa perbelanjaan Defendan adalah melebihi pendapatan. Mahkamah dapati pihak Defendan di samping mendapat wang sara hidup daripada FELDA beliau telah bekerja menoreh getah. Pendapatan sebulan menoreh getah ialah lebih kurang RM600.00 sebulan. Ini bermakna jika di campur pendapatan menoreh dengan wang sara hidup menjadikan jumlah (RM600 + RM750) RM1,350.00 sebulan. Maka jika jumlah pendapatan Defendan sebanyak RM1,350.00 di tolak dengan perbelanjaan sebanyak RM1047.00 maka bakinya hanya RM303.00 dan baki RM303.00 ini jika ditolak dengan belanja nafkah anak Salwa, Fatimah dan lain-lain lagi maka sudah tentu bakinya tidak seberapa. Memandangkan kepada keadaan perbelanjaan ini Mahkamah tidak nampak apa perlunya pihak Plaintiff menuntut ½ bahagian daripada wang sara hidup tersebut

kerana kesemua wang itu di belanja untuk keperluan-keperluan tersebut.

50. Mengenai tuntutan Plaintiff untuk mendapatkan separuh lagi bayaran hasil yang dibayar oleh FELDA kepada Defendan bermula dari bulan Jun 2007 hingga Perintah Harta Sepencarian di keluarkan - Menurut keterangan Defendan pada Jun 2007 beliau telah berkahwin lain dengan sorang janda. Apabila berkahwin Defendan telah mengeluarkan perbelanjaan untuk keperluan isteri barunya dan anak tirinya adalah sebanyak RM400.00. Ini bermakna perbelanjaan Defendan telah meningkat kepada (1,047.00 + 400.00) RM1,447.00 sebulan sedangkan pendapatan Defendan banyak RM1,350.00 sebulan. Ini menunjukkan bahawa perbelanjaannya (-RM97.00 sebulan) adalah negatif. Namun begitu Defendan berusaha untuk menambah pendapatannya dengan mengambil upah di sebelah petang dengan meracun, petik kelapa sawit.
51. Mengikut keterangan Plaintiff pula mulai Jun 2007 FELDA telah membayar hasil kepada Defendan sebanyak RM1,150 sebulan. Mahkamah dapati bahawa kesemua wang hasil yang di bayar oleh FELDA digunakan sepenuhnya oleh Defendan untuk perbelanjaan seperti mana di atas.

52. Di dalam semua tuntutan Plaintiff bermula dari tuntutan untuk mendapatkan $\frac{1}{2}$ bahagian daripada hasil pajakan hartanah PM 1294, Lot No 3082 sebanyak RM5,400.00, kemudian tuntutan untuk mendapatkan $\frac{1}{2}$ bayaran sara diri yang dibayar oleh FELDA kepada Defendan sebanyak RM750.00 sebulan bermula Mei 2004 hingga bulan Mei 2007, seterusnya menuntut $\frac{1}{2}$ bayaran hasil yang dibayar oleh FELDA kepada Defendan bermula dari bulan Jun 2007 hingga perintah harta sepencarian dikeluarkan - Mahkamah berpendapat bahawa adalah tidak adil sekiranya pihak Plaintiff membuat tuntutan seperti di atas kepada Defendan kerana pihak Defendan telah bersetuju memberikan $\frac{1}{2}$ bahagian daripada tanah rancangan FELDA tersebut kepada Plaintiff. Ini adalah kerana sekiranya Mahkamah benarkan tuntutan tersebut bermakna pihak Plaintiff mendapat lebih daripada sepatutnya. sedangkan Defendan dapat membuktikan bahawa semua wang yang diterima telah dibelanjakan habis untuk membayar kembali hutang FELDA dan mengawal selia tanah FELDA tersebut serta menanggung keperluan-keperluan Defendan termasuk menanggung nafkah anak-anak Plaintiff dan Defendan serta isteri baru dan anak tirinya.
53. Di atas keterangan-keterangan yang telah diberikan oleh Plaintiff dan Defendan serta saksi-saksi Plaintiff dan Defendan dan hujahan Peguam Plaintiff dan Defendan yang bijaksana maka saya amat berpuas hati bahawa kedua-duanya berhak mendapat apa yang dituntut

berdasarkan bukti-bukti yang telah ditunjukkan. Maka dengan ini
Mahkamah perintahkan seperti berikut:-

PERINTAH:

1. Mahkamah **perintahkan** dan isytiharkan bahawa harta-harta yang dituntut iaitu:-
 - a) Sebidang Hartanah di bawah suratan Hak milik No. PM 1294, Lot No. 3082, Mukim Nyalas, Daerah Jasin Melaka seluas 4,217 hektar atau 10.4 ekar.
 - b) Sebidang Hartanah di bawah suratan Hak milik No. PM 1607 Lot No 3989 Mukim Nyalas, Daerah Jasin Melaka seluas 1123 meter persegi atau 12,087 kaki persegi bersama sebuah rumah yang di bina semula oleh Plaintiff sebanyak RM50,000.00 dari rumah asal FELDA

Adalah diisytiharkan sebagai harta-harta sepencarian di antara Plaintiff dan Defendan.

2. Mahkamah **perintahkan** sebidang tanah di No. PM 1294, Lot No. 3082 Mukim Nyalas Daerah Jasin Melaka dibahagikan dua. ½ bahagian atau 5.2 ekar di serahkan dan diletak Hak milik di atas nama Plaintiff

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

XXXXXXXXXX dan ½ bahagian lagi atau 5.2 ekar di serahkan dan diletak Hak milik atas nama Defendan XXXXXXXXXX

3. Mahkamah **perintahkan** sebidang Hartanah Sebidang Hartanah di bawah suratan Hak milik No. PM 1607 Lot No 3989 Mukim Nyalas, Daerah Jasin Melaka seluas 1123 meter persegi atau 12,087 kaki persegi bersama sebuah rumah yang di bina semula oleh Plaintiff yang dinilai sebanyak RM50,000.00 dari rumah asal FELDA di bahagi dua mengikut nilai iaitu Plaintiff mendapat nilai RM25,000 dan Defendan mendapat nilai RM25,000.00.

Sekiranya Plaintiff berkehendakkan rumah tersebut maka Plaintiff hendaklah membayar RM25,000.00 kepada Defendan, begitulah sebaliknya.

4. Mahkamah perintahkan pihak-pihak berkuasa hendaklah melaksanakan perintah tersebut dengan memasukkan dan meletak hak ke atas tanah dan rumah tersebut seperti mana yang di perintahkan.

5. Mahkamah **menolak** lain-lain tuntutan Plaintiff untuk mendapatkan ½ bahagian daripada wang pajakan sebanyak RM5,400.00 dan ½ bahagian daripada bayaran sara diri Defendan mulai bulan Mei 2004 hingga Mei 2007 dan ½ bahagian bayaran hasil yang dibayar oleh

FELDA kepada Defendan mulai bulan Jun 2007 sehingga perintah tuntutan harta sepencarian diputuskan.

6. Mahkamah **menolak** tuntutan Defendan untuk mengisytiharkan dan mendapatkan 2/3 bahagian daripada rumah dan tanah di JA 2627 Rumah Awam Pondok Batang, Asahan Melaka sebagai harta sepencarian.
7. Kos ditanggung oleh pihak masing-masing.